



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# SIARAN MEDIA

## KARNIVAL ALAM KITA 2023 MEMBUDAYA GAYA HIDUP HIJAU

Dengan berteraskan penghayatan untuk membudayakan gaya hidup hijau dalam suasana santai dan berinformatif, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menganjurkan Karnival Alam Sekitar (KAK) 2023.

Program yang dirasmikan oleh Menteri, YB Nik Nazmi Nik Ahmad merupakan usaha yang mampu memberikan satu suasana, aktiviti dan pengalaman yang baharu seiring dengan aspirasi Kementerian untuk memastikan agenda pengurusan sumber asli yang mampan, usaha melestarikan alam sekitar dan menangani cabaran perubahan iklim di Malaysia.

Turut hadir Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Dato' Sri Huang Tiong Sii, Ketua Setiausaha, Dato' Haji Rosli Isa, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pulau Pinang, Dato' Mohd Zakuan bin Haji Zakaria.

KAK 2023 buat julung kalinya diadakan di Pekarangan Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang. Penganjuran program turun padang selama dua hari yang bermula 11 Mac itu, mendapat kerjasama Jabatan dan agensi di bawah NRECC serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pelbagai aktiviti dianjurkan.

Antara yang terlibat ialah, pameran Alam Kita terdiri daripada Jabatan dan Agensi di bawah NRECC dan Jabatan lain, *Green Job Fair*, permainan sukan rakyat, *street soccer*, bola keranjang, jualan pelbagai citarasa Malaysia selain tiga (3) sesi forum berkenaan alam sekitar, isu-isu pengurusan bekalan air, dan industri tenaga di Malaysia.

Penganjuran karnival sebegini juga dilihat sebagai langkah NRECC untuk 'turun padang' mendapatkan input dan maklum balas di peringkat akar umbi untuk menambah baik perkhidmatan Kementerian dan Jabatan-Jabatan serta Agensi-Agensi di bawahnya.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM  
(NRECC)**

**12 MAC 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

